

Pasar moden akan dibina

Tempoh TOL

Datuk Keramat

dilanjutkan

28 JUL 1980

99 tahun

KUALA LUMPUR, Ahad — Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bersetuju melanjutkan tempoh pajakan kawasan tanah milik sementara (TOL) di Datuk Keramat di sini, daripada 30 kepada 99 tahun, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, ini sudah dilaksanakan oleh DBKL dan mereka yang belum memperolehnya, boleh ditimbangkan untuk mendapatkan kemudahan lanjutan pajakan itu.

Beliau menegaskan demikian ketika berucap di majlis pelancaran projek pembangunan pasar baru Datuk Keramat di sini, petang ini.

Katanya, ini adalah antara kemudahan yang diberikan oleh kerajaan untuk kemudahan rakyat, khususnya di kawasan berkenaan.

Menurut beliau, kerajaan Barisan Nasional (BN) sentiasa menunaikan janjinya kepada rakyat ketika pilihanraya, seperti janji untuk membina

pasar Keramat ketika pilihanraya umum tahun 1974.

Pada tahun 1976, pasar itu dibina untuk kemudahan peniaga dan penduduk di kawasan Keramat.

Oleh kerana bilangan peniaga bertambah, begitu juga penduduk di situ, kerajaan bersetuju membina pasar baru yang lebih besar dan lengkap untuk keselesaan peniaga di situ, ujarnya.

Pilihan

Katanya, kerajaan boleh menyediakan kemudahan-kemudahan itu, jika rakyat membuat pilihan yang wajar dalam pilihanraya umum.

Menurut beliau, jika rakyat memilih wakil rakyat daripada parti yang berkuasa, pelbagai kemudahan dan pembangunan dapat disalurkan kepada mereka dengan mudah.

"Jika wakil rakyat tidak ada hubungan dengan parti yang berkuasa, tentu sukar baginya

hendak menjalankan tugas," katanya.

Menurutnya, keputusan yang waras dalam pemilihan wakil rakyat penting bagi penduduk Wilayah Persekutuan, kerana ia tidak mempunyai kerusi negeri, seperti negeri-negeri lain.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan memang hendak membantu rakyat, termasuk peniaga, seperti mengadakan pelbagai rancangan untuk membantu mereka dan baru-baru ini mengadakan skim pinjaman untuk peniaga dengan kadar faedah 4 peratus sahaja.

"Ini adalah untuk kepentingan rakyat. Kita tidak mahu menjadi kerajaan, cuma hendak sedap duduk dalam kereta besar, tetapi untuk rakyat," katanya.

Beliau juga memuji penduduk Datuk Keramat yang berkumpul, walaupun dalam hujan lebat, untuk menjayakan pelancaran pembangunan pasar baru itu.